



29 April 2014
29 April 2014
P.U. (B) 166

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENYELESAIAN PENGAMBILALIHAN KAWALAN (KOPERASI KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN TERENGGANU (KOKANUN) BERHAD)

NOTICE OF COMPLETION OF ASSUMPTION OF CONTROL (KOPERASI KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN TERENGGANU (KOKANUN) BERHAD)



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOPERASI 1993

NOTIS PENYELESAIAN PENGAMBILALIHAN KAWALAN
(KOPERASI KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN TERENGGANU
(KOKANUN) BERHAD)

BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (No. 3) 2010 [*P.U. (A) 356/2010*] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 20 Oktober 2010, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik Mohd Nasir bin Mohd Nor untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad dan perbadanan berkaitannya, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya:

DAN BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Penggantian) 2013 [*P.U. (A) 83/2013*] dan Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Pelantikan Semula) 2013 [*P.U. (A) 175/2013*] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 5 Mac 2013 dan 11 Jun 2013 masing-masing, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik Haji Mohd Azmy bin Deris untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad dan perbadanan berkaitannya, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya:

DAN BAHAWASANYA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengadakan mesyuarat agung tahunan perwakilan Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad pada 15 Jun 2013 dan dua belas anggota Lembaga telah dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan perwakilan itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Suruhanjaya Koperasi Malaysia memberikan notis di bawah subseksyen 69D(4) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] bahawa pengambilalihan kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad dan perbadanan berkaitannya yang dibuat di bawah subseksyen 69(2) Akta telah diselesaikan pada 15 Jun 2013, dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia menyerahkan semua harta, urusan, aktiviti dan hal

ehwal Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad dan perbadanan berkaitannya kepada Lembaga yang baru dilantik.

Bertarikh 27 Mac 2014

[SKM.IP.(AM) 7849 JLD.2; PN(PU2)527/XV]

DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT 1993

NOTICE OF COMPLETION OF ASSUMPTION OF CONTROL
(KOPERASI KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN TERENGGANU
(KOKANUN) BERHAD)

WHEREAS, by the Co-operative Societies (Assumption of Control) (No. 3) Order 2010 [*P.U. (A) 356/2010*] published in the Federal Government *Gazette* on 20 October 2010, the Malaysia Co-operative Societies Commission has appointed Mohd Nasir bin Mohd Nor to assume control of the whole of the property, business, activities and affairs of the Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad and its related corporations, and carry on the whole of its business, activities and affairs:

AND WHEREAS, by the Co-operative Societies (Assumption of Control) (Replacement) Order 2013 [*P.U. (A) 83/2013*] and the Co-operative Societies (Assumption of Control) (Reappointment) Order 2013 [*P.U. (A) 175/2013*] published in the Federal Government *Gazette* on 5 March 2013 and 11 June 2013 respectively, the Malaysia Co-operative Societies Commission has appointed Haji Mohd Azmy bin Deris to assume control of the whole of the property, business, activities and affairs of the Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad and its related corporations, and carry on the whole of its business, activities and affairs:

AND WHEREAS, the Malaysia Co-operative Societies Commission has held an annual general meeting of the delegates of the Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad on 15 June 2013 and twelve Board members have been duly appointed at the annual general meeting of the delegates:

NOW THEREFORE, the Malaysia Co-operative Societies Commission gives notice under subsection 69D(4) of the Co-operative Societies Act 1993 [*Act 502*] that the assumption of control of the whole of the property, business, activities and affairs of the Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad and its related corporations made under subsection 69(2) of the Act has been completed on 15 June 2013, and the Malaysia Co-operative Societies Commission submits the whole of

the property, business, activities and affairs of the Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad and its related corporations to the newly elected Board.

Dated 27 March 2014
[SKM.IP.(AM) 7849 JLD.2; PN(PU2)527/XV]

DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS
Executive Chairman
Malaysia Co-operative Societies Commission